

13 MAR 1998

DR MAHATHIR RASMI PERSIDANGAN/PAMERAN IT

KUALA LUMPUR, 13 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucap tama dan merasmikan persidangan dan pameran "Infotech Malaysia/ITX Show' 98" di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 21 April ini.

Dianjurkan oleh Persatuan Industri Komputer Malaysia (Pikom) dan Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC), persidangan empat hari itu bertujuan membincangkan isu-isu berhubung pembangunan teknologi maklumat (IT).

Pengerusi Pikom, Shaifubahrim Saleh, memberitahu sidang berita di sini, persidangan itu yang akan dihadiri oleh para pembuat dasar daripada pelbagai sektor akan menangani isu-isu utama berhubung pembangunan manusia, pembangunan infrastruktur dan pembangunan aplikasi termasuk masalah Y2K.

"Tahun ini Agenda IT Negara dikenalpasti sebagai satu strategi bagi pembangunan negara dan melahirkan masyarakat madani," katanya.

Pameran ITX Show' 98 akan diadakan di tempat yang sama sempena persidangan itu. -- Bernama

NY oba